



# Polisi Pembiayaan Beretika Trash Hero World

Tarikh kemaskini terakhir: 12 Julai 2022

## Informasi

Objektif Trash Hero World adalah untuk mencipta dan menyokong sebuah rangkaian kumpulan sukarelawan berkomuniti yang bersih dan mengurangkan sisa di alam sekitar, melalui program pembersihan; pendidikan; promosi pengurusan sisa yang mampan; dan memberikan penyelesaian untuk mengurangkan kebergantungan kepada plastik sekali-guna.

Kami beroperasi di seluruh dunia dan organisasi kami berasaskan nilai-nilai teras iaitu membawa perubahan, membawa kredibiliti, tidak mementingkan diri sendiri, mempunyai sikap bertanggungjawab; berfikir secara global, bertindak secara tempatan.

Trash Hero World dan organisasi Trash Hero di setiap negara juga dari masa ke semasa akan bekerjasama dan berkolaborasi dengan organisasi-organisasi komersial untuk mencapai objektif yang sama. Kami mengalu-alukan peluang untuk menjana pendapatan melalui sponsor dan kerjasama dengan firma-firma yang serasi.

Dalam setiap kes, sangat penting bagi kami untuk secara konsisten bertindak sesuai dengan nilai dan tujuan kami; mengekalkan kebebasan kami; dan tidak membenarkan hubungan kami dengan organisasi ataupun individu-individu luar menjatuhkan nama baik kami. Polisi ini telah dirangka untuk memastikan kedudukan Trash Hero adalah jelas dan telus kepada semua pihak berkepentingan kami.

## Tafsiran

“Organisasi” bermaksud mana-mana entiti, sama ada sebuah syarikat, berkanun, bersifat secara sukarela atau berkomuniti, di mana Trash Hero akan memasuki perjanjian perkongsian atau penajaan dengan entiti tersebut, ataupun daripada siapa kami menerima dana.

“Penajaan” bermaksud pembiayaan oleh sebuah organisasi atau individu dengan balasan perhubungan awam dengan Trash Hero melalui aktiviti, projek, acara ataupun aset. Dana ini boleh diberikan secara wang tunai ataupun dalam bentuk lain.

“Kerjasama” bermaksud suatu perjanjian antara sebuah organisasi dengan Trash Hero untuk melibatkan diri dalam pemasaran bersifat *cause-related*; sokongan produk; ataupun mana-mana aktiviti bagi kebaikan bersama kedua-dua pihak dan yang mana mungkin dapat menghasilkan pendapatan bagi Trash Hero.

“Dana” bermaksud sama ada wang ringgit, barang atau perkhidmatan yang diberikan secara percuma oleh organisasi ataupun individu tanpa mengharap sebarang balasan (kecuali ia adalah sesalinan resit); hadiah-hadiah ini mungkin adalah tidak terhad ataupun terhad ATAU merupakan biasiswa/geran, yang mana sumbernya diberikan oleh organisasi atau individu, dengan beberapa harapan dan syarat-syarat dikenakan.

“Pendapatan yang diperoleh” bermaksud hasil daripada perkhidmatan yang berkaitan dengan misi, ataupun kerja yang dilakukan, oleh Trash Hero bagi mana-mana individu ataupun organisasi.

“Trash Hero World” merujuk kepada persatuan yang tidak berasaskan keuntungan yang didaftarkan secara sah di Switzerland.

"Organisasi Trash Hero di setiap negara" merujuk kepada entiti yang tidak berdasarkan keuntungan yang didaftarkan secara sah yang mewakili setiap cawangan Trash Hero secara kolektif di setiap negara.

"Trash Hero Chapter" merujuk kepada sekumpulan komuniti tempatan yang telah diberikan autoriti untuk menjalankan aktiviti menggunakan nama Trash Hero.

"Trash Hero" merupakan suatu terma luas, yang merangkumi "Trash Hero World" dan semua "Organisasi Trash Hero di setiap negara" serta "Trash Hero Chapter".

## Prinsip-prinsip kolaborasi

### 1. Penghindaran

Trash Hero akan sentiasa menolak penerimaan dana, penajaan ataupun perkongsian dengan:

- a) organisasi dengan kegiatan, polisi, matlamat, nilai atau objektif mereka yang jelas bertentangan dengan nilai Trash Hero, khususnya tetapi tidak eksklusif kepada pencemaran plastik
- b) organisasi, termasuk yayasan amal atau amanah kebajikan, yang dimiliki oleh dan/atau dibiayai secara substansial oleh organisasi yang tertera dalam 1a) di atas.

Kriteria organisasi yang termasuk dalam kategori ini adalah seperti yang tertera di Lampiran 1. Kami mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa penerimaan pembiayaan daripada sumber-sumber seperti ini bukan langkah terbaik Trash Hero; oleh kerana risiko-risiko berikut:

- i) ia mungkin mengurangkan keberkesanan kami dalam mencapai objektif kami
- ii) ia mungkin memberikan mesej yang tidak tepat atau mengelirukan berkenaan komitmen kami kepada matlamat dan nilai-nilai kami
- iii) ia mungkin merosakkan reputasi kami dan menghilangkan sokongan dan kepercayaan daripada sukarelawan kami dan juga semua pihak berkepentingan kami.

Risiko-risiko ini jauh mengatasi sebarang faedah yang akan diperolehi dari pembiayaan seperti itu. Prinsip penghindaran juga diaplikasikan pada hubungan kerjasama di mana Trash Hero tidak mendapat sebarang pendapatan, contohnya, perjanjian dengan NGO lain.

### 2. Penglibatan

Trash Hero secara aktif menjalin hubungan dengan organisasi yang bertindak untuk melindungi kelestarian alam sekitar dengan cara yang positif, inklusif, telus dan secara tanpa keganasan. Kami mencari, asalkan ianya praktikal dan menurut undang-undang tempatan, dana dan pembiayaan serta perkongsian yang mana:

- sesuai dengan nilai dan objektif Trash Hero;
- tidak menjaskan status bebas Trash Hero;
- tidak berpotensi merosakkan reputasi Trash Hero, termasuk mana-mana chapter global;
- memberikan faedah kepada program dan juga faedah pemasaran;
- menggalakkan sikap terbuka dan telus; dan
- mencapai matlamat yang saling menguntungkan

Walaupun Trash Hero mempraktikkan penghindaran apabila ianya berkenaan *pembentangan* dari segelintir organisasi, kami tidak menghalang dari *bekerja* dengan organisasi-organisasi tersebut, asalkan mereka juga komited untuk membuat perubahan serius kepada polisi dan praktis mereka. Kolaborasi seperti ini akan dipertimbangkan mengikut setiap kes, dan mana-mana organisasi yang dipercayai mempunyai kekurangan komitmen, melakukan "greenwashing", ataupun sedang bekerja bertentangan dengan matlamat kami akan ditolak. Panduan praktikal tertera di Lampiran 2.

### 3. Syarat-syarat & Pengecualian

Trash Hero Chapter tidak dibenarkan untuk menerima dana dalam bentuk wang ringgit, menghasilkan pendapatan ataupun mengadakan kerjasama yang akan membawa kepada pendapatan ataupun wang ringgit: mereka hanya dibenarkan menerima bayaran ataupun dana dalam bentuk barang.

## Proses

1. Semua organisasi dan (jika terpakai) cadangan terma kerjasama atau pembentangan akan ditapis menurut kriteria yang tertera dalam Lampiran 1.
2. Mana-mana kes yang mencurigakan dan/atau mempunyai risiko yang tinggi akan dipertimbangkan lebih lanjut. Perkara ini termasuk pemeriksaan bebas melalui perkhidmatan saringan beretika.
3. Kes berisiko tinggi ini, *dan kesemua kerjasama, pembentangan dan dana yang melibatkan organisasi komersial*, mesti dilaporkan kepada dan dipersetujui oleh pengurusan kanan Trash Hero World dan, jika perlu, Lembaga Pengurusan Trash Hero World.
4. Segala perkongsian dan pembentangan yang diluluskan hendaklah berdasarkan perjanjian bertulis. Selain memperincikan sokongan yang ditawarkan oleh kedua-dua pihak; hasil dan pengeluaran yang dijangkakan; bagaimana perjanjian akan dipantau dan dilaksanakan; serta, bila dan bagaimana repot kemajuan akan diberikan, perjanjian juga perlu mengandungi terma-terma berikut:
  - i) Sebarang komunikasi yang digunakan oleh organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada skrip, material pemasaran, iklan dan pakej, akan dikaji semula dan dikawal oleh Trash Hero.
  - ii) Penggunaan nama Trash Hero, logo Trash Hero atau sebarang harta intelektual sebagai material publisiti bagi mana-mana medium, mesti diluluskan terlebih dahulu oleh Trash Hero.
  - iii) Melainkan dipersetujui secara jelas, sebarang pengendorsan produk atau syarikat tidak dibenarkan dan suatu kenyataan berkenaan perkara ini mesti disertakan bersama apa-apa penjenamaan atau promosi sebarang produk.
  - iv) Trash Hero dibenarkan untuk menarik diri daripada sebarang perjanjian yang mana terdapatnya perkembangan baru yang memungkiri polisi pembentangan beretika ini.
  - v) Trash Hero mempunyai hak terhadap segala harta intelektual berkenaan kolaborasi tersebut, sama ada dijangka atau tidak, kecuali jika terdapat persetujuan yang jelas bertentangan dalam perjanjian tersebut.

## Sekatan

Pengumpulan dana atau aktiviti kerjasama hanya boleh dimulakan oleh organisasi Trash

Hero di setiap negara dengan organisasi lain yang terletak di wilayahnya. Pengumpulan dana atau aktiviti kerjasama hanya boleh dimulakan oleh organisasi Trash Hero di setiap negara di luar wilayahnya dengan persetujuan awal Trash Hero World dan/atau organisasi negara di mana aktiviti tersebut akan berlaku. Pengumpulan dana atau kerjasama transnasional atau antarabangsa adalah di bawah tanggungjawab Trash Hero World. Segala aktiviti pengumpulan dana adalah tertakluk kepada garis panduan berasingan di 'Trash Hero World Code of Fundraising' (Trash Hero World - Kod Pengumpulan Dana).

## Semakan

Trash Hero akan memberitahu pihak berkepentingan kami berkenaan polisi ini, dan akan memastikan polisi ini terbuka kepada orang awam. Polisi ini akan disemak dari semasa ke semasa oleh Trash Hero World.

## Lampiran 1: Garis Panduan Saringan Beretika

Untuk memastikan integriti kami, Trash Hero akan menolak sebarang tawaran tajaan, kerjasama ataupun dana oleh organisasi yang dinamakan, atau termasuk dalam, tiga belas kategori berikut. Organisasi-organisasi ini ditolak *atas dasar prinsip dan tanpa sebarang pertimbangan* lanjut pada saringan awal.

### 1. Pengeluar plastik

- a) Semua pengeluar plastik mentah dan subsidiarinya termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - Exxon Mobil
  - Dow Chemical
  - Ineos
  - BASF
  - Lyondell Basell
  - LG Chem
  - ENI
  - Sabic
  - Chevron Phillips
  - Lanxess
  - DuPont
  - Total S.A.
- b) Sebarang pengilang barang sekaliguna yang lain yang diperbuat atau dibungkus dalam plastik mentah.

### 2. Syarikat FMCG

Syarikat multinasional dan jenama mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Nestle
- Procter & Gamble
- Unilever
- Coca Cola
- PepsiCo
- JBS S.A.

- Mondelez
- Mars
- Danone
- Kraft Heinz
- L'oreal
- ABInBev
- Colgate Palmolive
- Kimberly Clark
- Johnson & Johnson etc.

### 3. Syarikat tembakau

Termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Philip Morris
- BAT
- Japan Tobacco etc.

### 4. Pasaraya, kedai serbaguna, makanan segera dan peruncit besar yang lain

Sebarang peruncit rantaian serantau, tempatan atau multinasional yang mengeluarkan dan/atau mempunyai stok dan mengedar kuantiti plastik sekali-guna yang banyak.

### 5. Industri Fesyen

Mana-mana jenama atau pengeluar, "fesyen pantas" atau sebaliknya, yang mana mengeluarkan tekstil sintetik atau aksesori secara besar-besaran.

### 6. Syarikat bahan api fosil

Mana-mana syarikat yang terlibat dengan *fracking* atau pengekstrakan gas shal, arang batu, minyak atau gas asli, atau terlibat dalam pengeluaran atau pembekalan tenaga yang menggunakan sumber berdasarkan fosil.

### 7. Industri perikanan komersial

Sebarang syarikat yang terlibat dengan praktis perikanan berindustri, termasuk akuakultur atau pemprosesan atau pelabelan produk-produk makanan laut.

### 8. Pengurusan tapak pelupusan atau fasiliti pembakaran

Termasuk mana-mana syarikat yang mengoperasikan sisa-kepada-tenaga, sisa-kepada-bahan api, pengegasan, pirolisis, atau apa-apa jenis fasiliti "pemulihan tenaga" atau "pengitaran semula bahan kimia".

### 9. Syarikat penghantaran atau pembungkusan

Mana-mana syarikat terutamanya yang mengeluarkan atau menggunakan pembungkusan sekali guna untuk membungkus atau menghantar barang.

### 10. Syarikat penerbangan

### 11. Farmaseutikal / syarikat perubatan

**12. Organisasi agama atau politikal**

**13. "Pembiayaan sekunder"**

- a) Yayasan yang dimiliki oleh atau dibiayai secara substansial oleh mana-mana syarikat dalam kategori 1-12; yayasan yang menerima pembiayaan daripada cukai beg plastik atau yang sejenis.
- b) Mana-mana individu atau organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada bank dan syarikat insurans, dengan pelaburan yang didokumenkan secara terbuka dalam mana-mana organisasi dalam kategori 1-12.

Selanjutnya, Trash Hero akan berjaga-jaga berkenaan mana-mana pembiayaan yang ditawarkan oleh enam kategori organisasi berikut:

**14. Pengilang atau penjual barang-barang plastik (berbungkus) yang telah dikitar semula**

**15. Syarikat arak**

Walaupun dana mungkin tidak ditolak secara terus dalam kes seperti ini, tetapi segala aspek pada hubungan yang dicadangkan akan dipertimbangkan sebelum diteruskan. Penilaian risiko awalan kami akan meneliti perkara-perkara berikut:

- i) jika organisasi tersebut merupakan sebahagian dari kumpulan yang lebih besar
- ii) apa, bagaimana dan setakat mana kegiatan organisasi tersebut akan bertentangan dengan atau menyokong misi dan/atau polisi kami sendiri
- iii) Saiz dan sumber pembiayaan/dana
- iv) Saiz dan kebolehan pencapaian organisasi
- v) Sebarang faedah yang dijangka kepada Trash Hero, termasuk dana yang diterima
- vi) Motif pemberian organisasi (apa yang diberikan dan apa yang akan kelihatan seperti diberikan)
- vii) Sebarang syarat-syarat yang dikenakan oleh organisasi (contoh: berkenaan cara penggunaan dana atau penyebutan nama organisasi)
- viii) Reputasi organisasi tersebut di kesemua negara Trash Hero beroperasi
- ix) Jika penerimaan dana berkemungkinan akan memberikan impak ketara kepada sokongan daripada sukarelawan kami, atau penderma lain dan sebagainya, pada masa sekarang atau masa hadapan
- x) Jika perhubungan itu akan mencetuskan sebarang konflik kepentingan atau faedah yang tidak dibenarkan kepada pihak yang berkaitan
- xi) Jika hubungan yang ditawarkan adalah eksklusif atau dicipta untuk memberikan organisasi tersebut kelebihan berbanding pesaing mereka.

Bagi setiap bakal rakan kongsi, penderma atau organisasi pembiaya, termasuk yang bukan dalam kategori 14-15, kami akan melakukan usaha wajar yang berpatutan (semakan informasi yang tersedia secara umum) dan, jika sesuai, siasatan lanjut melalui perkhidmatan pemeriksaan etika bebas seperti *Corporate Critic Database*.

## Lampiran 2: Garis Panduan bagi melibatkan Trash Hero dengan rakan kongsi yang “berisiko tinggi”

Walaupun Trash Hero mengamalkan penghindaran apabila dibiayai dan / atau menyetujui percubaan membuat “greenwashing” oleh organisasi yang diperihalkan dalam Lampiran 1, kami masih bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana organisasi yang berkenan untuk membuat perubahan yang benar kepada polisi perniagaan dan praktis mereka.

Sebagai contoh, kami mungkin, sementara menunggu penilaian risiko, mempertimbangkan untuk bekerja dengan organisasi-organisasi yang diperihalkan dalam Lampiran 1, dalam situasi berikut:

a) Mereka terlibat dalam aktiviti kami sebagai sukarelawan tanpa identiti korporat.

- Staf mereka akan terlibat dengan *cleanup* tanpa sebarang sepanduk, baju T atau sebarang lencana lain
- Mereka tidak menggunakan aktiviti tersebut atau nama kami untuk mempromosikan *green credentials* mereka (contohnya: dalam repot CSR mereka atau sebarang material pemasaran yang lain)
- Sebarang dana yang diberikan hanya dalam bentuk barang atau perkhidmatan dan diperingkat *chapter* tersebut (contohnya: baju T, makanan ringan yang tidak dibungkus dalam plastik) dengan pengiktirafan standard dari pihak kami dan tanpa sebarang promosi tambahan.

b) Mereka terlibat dalam pendidikan berkenaan, atau mencari penyelesaian bagi, pencemaran plastik dan peranan mereka berkenaan perkara tersebut.

- Mereka terlibat dalam audit jenama atau audit sisa yang berlainan
- Mereka melibatkan Trash Hero untuk berucap di pejabat mereka
- Mereka melibatkan Trash Hero sebagai penasihat mereka untuk berunding berkenaan isu-isu bagaimana cara mengurangkan sisa.

Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa organisasi berkenaan sebenarnya ingin memperbaiki rekod alam sekitar mereka dan / atau mendidik pekerja mereka.

\*Aktiviti berpendidikan atau perundingan mungkin, dalam beberapa situasi, dijalankan dengan balasan bayaran fi dibayar kepada Trash Hero World atau organisasi Trash Hero di setiap negara - jika ia dapat dikategorikan dengan jelas sebagai “pendapatan”, dan bukannya pembiayaan/dana.